

CNS3501

U GB 13-09 00155 BA980

Bah

MAHATHIR JELASKAN PENGHARAMAN KEGIATAN ARQAM  
Mahathir - Arqam

KUCHING, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mengambil keputusan mengharamkan kegiatan pertubuhan Darul Arqam setelah menerima nasihat claripada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Islam.

Katanya beliau bukan pengerusi majlis itu yang ciianggotai oleh para ulama yang telah mengambil keputusan mengharamkan kegiatan pertubuhan itu kerana ajarannya teiah menyeleweng claripada aqidah Islam.

Kerajaan pula, yang bertanggungjawab menyekat segala kegiatan dakwah yang menyeleweng daripada aqidah Islam, telah mengambil keputusan untuk mengharamkan kegiatan pertubuhan itu berpandu kepada nasihat majlis itu, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada persidangan akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching di sir-ii, sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan rasmi dua hari ke Sarawak.

Katanya, pertubuhan itu telah menyeleweng kerana mengikuti ajaran Aurad Muhammadiyah yang dibawa oleh pemimpin mereka Ustaz Ashaari Muhammad. -- Lagi.

♥13/09/20-06MST

CNS3520

U GB 13-09 00087 BA984

B a h

Mahathir - Arqam 2 (Akhir) Kuching

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwat Islam Jabatan Perdana Menteri Haji. Zainal Abidin Abdul Kadir pada Rabu lepas mengumumkan bahawa yayasan itu dilarang daripada menjalankan ceramah umum atau sebarang kegiatan di pejabat-pejabat kerajaan atau agensinya.

Majlis Agama Islam beberapa buah negeri telah menguatkuasakan arahan itu.

Ketika msnjelaskan laporan akhbar bahawa kerajaan- akan mengkaji implikasi pembayaran tol, Perdana Menteri berkata pendirian kerajaan mengenai tol adalah tetap dan pembayarannya dimestikan. -- Bernama.

♥13/09/20-25MST